

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 8 TAHUN 1977

**PERWAKILAN KUASA KEPADA PTG & PHT UNTUK MELULUSKAN
PERMOHONAN DI BAWAH SEK: 124 KTN BAGI :-**

- (a) MENGUBAH JENIS KEGUNAAN TANAH DESA KEPADA
PERTANIAN DAN**
 - (b) PENUKARAN JENIS TANAMAN**
-

Satu keraguan telah timbul dari kalangan setengah-setengah PHT mengenai Pemakaian Perwakilan Kuasa PBN kepada PTG dan PHT di bawah Sek.13 KTN yang telah disiarkan dalam Warta kerajaan kelantan pada 26.3.1970 bagaimana kn. P.U 12 dan dipinda pula bagaimana Kn.P.U 14/71(lihat salinan yang berkembar).

2. Perkara yang dikatakan menimbul keraguan itu ialah sama ada kuasa yang diperturunkan oleh PBN kepada PHT itu termasuk juga kepada PPHT. Keraguan ini timbul ialah kerana di dalam Pengedaran PTG Bil.2/1969 yang telah dibatalkan oleh Pengedaran PTG Bil.1/71 ada menyebut di perenggan-perenggan, bahawa 'Perkataan PHT yang digunakan di dalam perwakilan kuasa ini tidak termasuk Penolong Pemungut Hasil Tanah'. Masalah ini telah tidak disebut semula dalam Pengedaran PTG Bil. 1/1971 yang telah dikeluarkan pada 2.1.1971 yang sedang dikuatkuasa bagi menggantikan Pengedaran PTG Bil.23/1969 itu.

3. Untuk mendapat fahaman yang lebih jelas PHT adalah dinasihatkan supaya merujuk perkara ini kepada takrif atau tafsiran perkataan PHT (Collector) di dalam KTN di bawah Sek: 5KTN yang berbunyi seperti berikut:-

“Collector” means a Collector of Land Revenue appointed under section 12, and includes an assistant Collector of Land Revenue appointed there under; and in relation to any land, references to the Collector shall be construed as references to the Collector, having jurisdiction in the district or sub-district in which the land is situated:

.....

.....

12(5) Subject to the provisions of sub-section (3) in every district in which there are may be one or more Assistant Collectors in addition to a Collector, every Assistant Collector shall exercise the powers and perform the duties conferred or imposed upon him by or under this Act in conformity with the directions of the Collector.

4. Berdasarkan kepada peruntukan Undang-undang dalam KTN yang di atas maka jelaskan kepada kita bahawa PPHT berkuasa dan boleh menjalankan tugas-tugas yang telah diperturunkan kepada PHT jika ianya diarah oleh PHT atau selaras dengan kehendak-kehendak atau duty List yang disediakan oleh PHT yang berkenaan.

5. Sayugia juga dijelaskan di sini bahawa perkataan’sekatan’ kepentingan’ yang disiarkan dalam Warta Kerajaan Kelantan pada 14.2.1974 bagaimana Kn.P.U 3/1974 tidaklah dimaksudkan bahawa PTG dan PHT diberi kuasa untuk meminda sekatan kepentingan yang bersabit dengan perkiraan atau ‘dealing’. Kuasa-kuasa yang diperturunkan itu ialah semata-mata mengenai menukar jenis tanaman sahaja.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian
Kelantan

KEPADA:

Semua P.H.T dan Penolong P.H.T Kelantan.

Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang.

SALINAN KEPADA:

Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pengarah L.K.T.N Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU**

FAIL : PTG.(KN) 14/66/(113)

KOTA BHARU : 8HB. JUN, 1977

KOTA BHARU : 19HB MEI 1977

Kn.P.U.12

26hb.Mac, 1970

**KANUN TANAH NEGARA, 1965
(No. 56 Tahun 1965)**

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 13 Kanun Tanah Negara, 1965, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mewakilkan kepada pegawai-pegawai yang dilantik di bawah seksyen 12(l) daripada kanun itu bagaimana diperihalkan dalam ruang pertama untuk menjalankan kuasa-kuasa dan sekatan-sekatan yang diperhal dalam ruang kedua di bawah ini mulai daripada 1 haribulan Januari, 1970 :-

Pesuruhjaya Tanah dan Galian

Semua perkara-perkara berkaitan dengan penukaran jenis tanaman dan penukaran jenis kegunaan kepada Pertanian bagi tanah desa yang berpegang dengan hakmilik Pendaftar, sama ada tetap atau sementara.

Pemungut-Pemungut Hasil Tanah

Semua perkara-perkara berkaitan dengan penukaran jenis tanaman bagi tanah desa dan penukaran jenis kegunaan kepada Pertanian yang berpegang dengan hakmilik Pejabat Tanah, sama ada tetap atau sementara.

Kn.P.U.3

14hb. Februari,
1974

**KANUN TANAH NEGARA, 1965
(No. 56 Tahun 1965)**

MEWAKILKAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara, 1965, Pihak Berkagu Negeri dengan ini mewakilkan kepada pegawai-pegawai yang dilantik di bawah seksyen 12(I) daripada kanun itu bagaimana diperihalkan dalam ruang pertama untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 124(I) (c) dalam kanun tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang diperihal dalam ruang kedua di bawah ini:-

Pengarah Tanah dan
Galian

Meluluskan permohonan untuk meminda mana-mana syarat nyata atau sekatan kepentingan yang dicatit di atas tanah pertanian yang dipegang di bawah mana-mana Hakmilik Pejabat Pendaftaran Tetap atau Sementara bagi maksud menanam tanaman-tanaman tambahan di atas tanah itu.

Pemungut Hasil Tanah

Meluluskan permohonan untuk meminda mana-mana syarat nyata atau sekatan kepentingan yang dicatit di atas tanah pertanian yang dipegang di bawah mana-mana Hakmilik Pejabat Tanah Tetap atau Sementara bagi maksud menanam tanaman-tanaman tambahan di atas tanah itu.

Diperbuat pada 17 haribulan November, 1973.

PTG K.n Bil.14/66/(100)

